

Pengalaman silam buat ibu malu dapatkan bantuan



BERFIKIRAN POSITIF: Ibu tunggal seperti Cik Nurin (bukan nama sebenar) tidak mempedulikan sindiran segelintir masyarakat terhadap dirinya. Beliau hanya ingin tumpukan perhatian kepada usaha membesarkan anaknya. - Foto HAKIM YUSOF

10 May 2015

HAKIM YUSOF

MENDERITA dalam sepi.

Begitulah nasib yang menimpa sesetengah ibu tunggal seperti Cik Nurin (bukan nama sebenar).

Cik Nurin, yang kini berusia 24 tahun, melahirkan anaknya semasa beliau remaja lagi, pada usia 16 tahun. Ketika itu, beliau belum bernikah.

Namun, selepas melahirkan sehingga kini, Cik Nurin memilih mahu mendewasakan anaknya seorang diri tanpa ayah.

"Saya menyesal... tapi berkahwin pada usia remaja bagi saya hanya akan merumitkan keadaan dan mungkin mendatangkan masalah," ujarnya.

Meskipun anaknya kini sudah berusia lapan tahun, Cik Nurin masih terus 'menderita dalam sepi'. Beliau, malah anaknya juga, masih menjadi 'mangsa' sindiran sesetengah orang.

Keadaan itu membuatnya malu mahu mendapatkan bantuan, bukan hanya daripada pertubuhan, bahkan daripada sesetengah anggota keluarganya sendiri.

"Ramai yang cepat menghukum. Tapi saya tidak salahkan mereka... Cuma saya sedih juga kerana anak saya tidak bersalah," kata beliau, penuh pasrah.

Lantaran itulah, Cik Nurin lebih selesa memikul beban menyara kehidupan dan mendewasakan anaknya seorang diri.

Di tempat kerjanya juga, pegawai khidmat pelanggan itu lebih suka merahsiakan kehidupannya daripada teman-teman.

Malah, majikannya juga tidak mengetahui bahawa beliau seorang ibu tunggal, meskipun beberapa kali ia mendatangkan cabaran bagi Cik Nurin.

ANAK JADI KEUTAMAAN

"Kadangkala, jadual kerja saya bertembung dengan sesuatu yang harus saya lakukan untuk anak saya. Atau pada hari tertentu, tidak ada orang yang boleh menjaga anak saya.

"Tapi, walau apa pun, saya cuba sedaya upaya kerana anak saya adalah keutamaan saya," katanya.

Ditanya mengenai harapannya untuk masa depan, Cik Nurin merenung jauh, fikirannya seolah-olah melayang.

Menurutnya, dalam keadaannya yang mencabar, beliau setakat menempuh hidupnya hari demi hari.

Beliau tidak berfikir terlalu jauh, selain memastikan anaknya mempunyai segala yang diperlukan untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada pelajaran.

Namun, di benaknya, Cik Nurin menaruh harapan agar ibu tunggal sepertinya dapat diterima masyarakat.

"Saya tidak boleh merubah apa yang berlaku. Apa yang saya boleh buat adalah terus menjalankan tanggungjawab saya terhadap anak saya dan berharap agar orang ramai dapat memahami keadaan kami berdua," ujar beliau.

DI MANA UNTUK DAPATKAN BANTUAN?

1. Pusat PPIS As-Salaam

Blok 322 Ubi Ave 1, #01-591

Nombor telefon: 6745-5862

Antara program:

- Program sokongan ibu tunggal MAWAR
- Program sokongan anak kehilangan ibu bapa akibat perceraian atau kematian As-Salaam

2. AMP

AMP @ Pasir Ris - 1 Pasir Ris Drive 4, #05-11

AMP @ Jurong Point - 1 Jurong West Central 2, #06-02, Jurong Point

Nombor telefon: 6416-3966 (Pasir Ris)/ 6792-4155 (Jurong Point)

Antara program:

- Skim Keluarga dan Belia Angkat (AFYS) yang membantu memperkasa keluarga dari segi ekonomi dan pembangunan sosio-pendidikan

3. FSC Rotary

Blok 346, Clementi Avenue 5, #01-32

Nombor telefon: 6779-9488

Antara program:

- Program sokongan ibu tunggal
- Bantuan kewangan sementara

4. Project Khadijah

E-mel kepada: projectkhadijah@gmail.com

Antara program:

- Sesi perkongsian ibu tunggal
- Pemandanan pekerjaan